



PENGURUSAN ARTISTIK: KAJIAN MENGENAI PERANAN SET SELAKU TENAGA KREATIF DALAM SENI PERSEMBAHAN PENTAS DI MALAYSIA

(Artistic management: Research on the role of the set as a creative manpower in Malaysia's stage performance arts)

Ab Samad Kechot & Sabzali Musa Kahn

ABSTRAK

Penulisan ini adalah berkaitan perkembangan kreativiti dan pengurusan organisasi seni persembahan pentas iaitu teater moden yang merangkumi perancangan rekabentuk, sumber manusia dan kreativiti dalam sesuatu pementasan. Pengurusan seni persembahan mempunyai peranannya tersendiri dalam menyumbang kepada sesuatu seni pementasan yang berkesan. Ia secara langsung melibatkan aktiviti rekabentuk yang harus dilalui oleh pereka set dan pasukan dalam menghasilkan sesebuah rekaan dan binaan set teater yang mantap. Kajian ini dilakukan di Istana Budaya, Kuala Lumpur pada 2006. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif (temubual). Hasil penyelidikan ini dapat membantu memgumpulkan data serta menganalisisnya demi mengutarkan hujah-hujah dan jawapan yang tepat dan berfeadah. Hasil dari kajian ini mendapat bahawa pereka set dan pasukan dalam produksi berperanan penting bagi menghasilkan sesebuah produksi yang mantap dan bermutu. Objektif utama artikel ini ialah untuk mengenalpasti psikologi pemikiran dan dorongan kerja yang wujud antara pereka set dan ahli pasukan dalam organisasi produksi teater di Istana Budaya. Artikel ini juga untuk mengenalpasti pemantauan dalam rekaan dan binaan set antara pereka set dan ahli pasukan dalam organisasi produksi teater di Istana Budaya. Penyelidik telah mengenalpasti tiga aspek penting yang harus diberi perhatian oleh pereka set dan pasukan produksi dalam proses menghasilkan rekaan dan binaan set. Penggunaan carta morfologi untuk setiap peringkat akan membantu bagi menghasilkan keberkesanan proses rekaan dan binaan set untuk sesebuah persesembahan. Penggunaan templet petak lukisan yang berupa storyboard dapat membantu menghasilkan kejelasan visual setiap proses bagi semua peringkat produksi yang akan dipersembahkan. Dan kepelbagaiannya kepakaran dan pengetahuan pereka set penting bagi menghasilkan sesuatu rekaan dan binaan set yang mantap dalam persesembahan.

Kata kunci: Kreativiti, pementasan, pereka set, perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, pengawalan

ABSTRACT

This writing is about creativity, development and management of stage performance arts organizations which is a modern theater that includes design planning, human resources and creativity in a theater. Management of performing arts has its own role in contributing to an effective performance art. It directly involves the design activities that must be passed by the designer and the team set to make a theatrical set design and construction practices. This study was performed at the Istana Budaya, Kuala Lumpur in 2006. For the purpose of this study, qualitative method was used (interviews) in order to obtain in-depth and rich data. The result of this study shows that set designers and their production teams play vital roles in producing solid and high quality productions. The main objective of this article to identify the

psychological mindset and motivation of work that exists between the set designers and production team members in a theater organization at Istana Budaya. This article also identified the monitoring of designing and constructing a set of set designers and production team members in a theater organization at Istana Budaya. As a conclusion from this article, researchers have identified three important aspects that must be addressed by the set designer and production team in the process of designing and constructing sets. The used of morphological chart for each level will help to produce effective design and construction process for a set of offerings. The used of form template box storyboard drawings is really help in producing all the visual clarity at all levels of production that will be presented. The diverse knowledge and specialty of the set designers is important to produce a good set construction in performance.

Key words: Creativity, staging, set designer, planning, organizing, leading, controlling

PENGENALAN

Persembahan teater yang terdiri daripada pelbagai pasukan kerja dalam organisasi produksi merupakan salah satu daripada hasil karya kreatif yang istimewa kerana ianya meliputi perkara yang berkaitan seni dan budaya dalam sesuatu masyarakat. Karya seni persembahan teater yang dibangunkan bertujuan sebagai saluran mendidik masyarakat serta memberi kesedaran tentang kesan tertentu kepada khalayak sama ada kesan yang menyentuh rasa, kesenangan, kesan moral, kesan estetik dan sebagainya (Lansing & Kenneth 1996).

Dalam organisasi produksi teater. Kepelbagaian idea dan penghasilan rekabentuk set dalam sesebuah seni pementasan merupakan aktiviti yang memerlukan perancangan dan perlaksanaan yang sistematis (Wesley 2000). Perancangan di sini membawa maksud segala aktiviti yang melibatkan kerja-kerja awal produksi hingga ke akhir persembahan yang perlu diambilkira daripada pelbagai aspek dan proses produksi oleh pereka set. Oleh yang demikian perancangan dalam mengurus sesuatu produksi teater amat penting. Peranan pereka set sebagai salah satu pasukan kerja dari peringkat awal rekaan dapat membantu melancarkan perancangan sesebuah persembahan. Di samping itu, penglibatan pereka set di peringkat awal produksi juga dapat membantu pengarah mengenal pasti aspek-aspek penting terutama yang melibatkan aspek visual pentas, tatahias, dan teknikal pentas dalam organisasi produksi (George Santayana 1952).

KEPERLUAN UNTUK MENJADI PEREKA SET DALAM PRODUKSI TEATER

Pereka set perlu bersemangat tinggi dan kreatif. Mengubah sesuatu rekaan kepada yang lebih baik merupakan suatu cabaran yang paling menarik dalam bidang ini. Pereka set harus merasa keseronokan dalam pengalamannya. Mereka sepatutnya merasa gembira untuk mengetahui selera sendiri. Faedah bekerja secara bersendirian dan berpasukan seharusnya memberi sesuatu cabaran kepada seseorang pereka dan juga pasukannya. Pereka set harus yakin sepenuhnya dengan idea mereka sendiri tetapi juga harus bersedia untuk menerima idea lain dari pasukan produksi. Dalam proses mereka bentuk, ianya merupakan persoalan memberi dan menerima antara satu sama lain dalam pasukan (Oren 1990). Kesabaran dan ketabahan hati amat penting untuk mendapatkan penyelesaian yang sebaik mungkin. Dengan kata lain, apa yang benar-benar diperlukan untuk menjadi seorang pereka set ialah kerja *smart* berserta bakat, gerak hati, kreativiti, inspirasi dan penuh dengan imaginasi (Burton & Judith 1992).

Sebagai seorang pereka set yang kreatif maka beberapa persoalan mesti bermain dalam minda tentang sesuatu rekaaan. Pertanyaan demi pertanyaan bermain difikirannya. Pertanyaan seperti ini mungkin dapat memberi percambahan idea dalam rekaan seperti adakah pereka suka menceraiakan bahagian benda dan melihat apa yang menjadikannya berfungsi. Adakah pereka set jelas dan nampak apabila sesuatu rekaan tidak berfungsi dengan betul dan adakah mungkin pereka berupaya memperbaikinya. Adakah pereka set mengambil berat tentang keperluan sesuatu rekaan agar bersesuaian dengan matlamat produksi. Adakah pereka suka melukis gambar untuk menjelaskan lagi kata-katanya. Adakah pereka suka membuat model yang berkaitan. Adakah pereka perasan bentuk dan susunan sesuatu rekaan dan binaan bersesuaian antara satu sama lain. Adakah pereka suka memikirkan tentang meletakkan benda bersama dalam cara baru. Dengan lain perkataan adakah pereka mahu membiarkan saja sesuatu yang cukup baik begitu sahaja. Pertanyaan-pertanyaan sebeginilah yang akan membantu seorang pereka untuk meningkatkan sesuatu kemahiran dan keperluan dalam sesuatu rekaan dan binaan seterusnya menghasilkan kepekaan dalam sesuatu rekaan dan binaan set.

Pereka set merupakan orang yang bertanggungjawab dalam mencipta dan merealisasikan daripada gambaran melalui skrip kepada bentuk realiti dengan berbagai konsep seperti realism atau sebagainya di atas pentas yang dapat dilihat dan dinikmati nilai artistiknya oleh para penonton. Pereka set bertanggungjawab terhadap kerja-kerja yang berkaitan dengan rekaan pentas bermula dari peringkat *pre-production*, *production* dan *post-produciton* (Aminah 2006). Tidak kira seringkas mana sesuatu set tersebut, setiap set pentas memerlukan sebuah rekaan atau lakaran yang akan dipersetujui oleh pengarah dan pengarah artistik bagi memastikan objektif pementasan dapat digambarkan melalui set pentas (Anuar 2006).

Walau bagaimanapun, seseorang pereka itu perlu memikirkan secara praktikal terhadap rekaannya dengan membuat beberapa pemerhatian seperti keadaan saiz, luas dan tinggi sesuatu pentas, di mana pintu keluar masuk pentas, di mana tangga pentas, berapa kaki jarak pentas dengan ruang duduk penonton, berapa jarak antara ruang pencahayaan dari kepala pelakon dan sebagainya. Ini penting bagi menjamin keselamatan dan rekaan yang dihasilkan praktikal bagi pementasan tersebut. Memandangkan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pereka set bukannya mudah, maka seseorang pereka itu harus mempunyai pelbagai kemahiran lain selain daripada mempunyai idea yang kreatif. Mereka harus tahu bagaimana komunikasi dijalankan, menterjemahkan maklumat dari komunikasi di antara pasukannya serta membuat perancangan dan melakukan perlaksanaan tugas di antara tenaga produksi yang lain untuk menyiapkan rekaan dari bentuk lukisan atau lakaran kepada bentuk visual di atas pentas persembahan (Arnheim & Rudolf 1954).

Setiap pementasan teater dipersembahkan terdapat beberapa aspek-aspek visual dititikberatkan. Ini termasuklah hiasan binaan pada set, aspek latar pentas dan juga prop yang terdapat pada pelakon ataupun diletakkan di atas pentas yang mewakili beberapa simbol atau lambang sesebuah pementasan tersebut. Ianya meliputi banyak bidang yang berkaitan seni persembahan teater. Jelasnya pereka set mesti mengkhusus sesuatu rekaan yang mereka minati. Mereka- bentuk sesuatu rekaan yang berkaitan dengan persembahan teater adalah begitu luas sehingga para pereka industri ini harus mencari ruang tersendiri di kalangan pekerjaan yang keseluruhannya berkisar daripada penekanan estetik dan peragaan seterusnya sampai kepada bidang kejuruteraan dalam sesuatu rekaan dan binaan set sehingga setiap bentuk visual set yang dapat dihasilkan dan berfungsi dipentas (Mc. Kim 1972).

CABARAN DAN PROFESIONAL PEREKA SET TEATER DALAM ORGANISASI PRODUKSI TEATER

Cabaran dalam bidang seni persembahan teater kerana adanya perkembangan teknologi dalam pementasannya. Teater tidak dapat menandingi kelebihan aspek teknikal filem dan televisyen. Persembahan teater mempunyai had kemampuannya tersendiri. Kesan penggunaan teknologi dan multimedia boleh mengundang khalayak menyaksikan pementasan dan mengingati adegan yang dipentaskan. Contohnya, adegan Miss Saigon yang sukar dilupakan dan paling berkesan dalam ingatan ialah adegan helikopter turun dan menyuluh pelakon di atas pentas. Kepelbagaiannya gabungan penggunaan teknik lampu, kesan bunyi, dan imej helikopter yang dipancarkan di layar menghidupkan adegan sehingga khalayak turut berasa seolah-olah helikopter benar-benar turun di hadapan mereka.

Tidak semua jenis persembahan teater sesuai menggunakan teknologi dan multimedia. Bentuk teater realisme contohnya, perlu menggunakan teknologi untuk merealisasikan suasana sebenar agar lebih dekat dengan penonton. Namun, dalam keadaan tertentu, penggiat teater tidak harus terikat dengan pendapat ini. Mereka boleh bereksperimen dengan menggunakan teknologi dan multimedia dalam apa-apa juga bentuk teater asalkan bersesuaian dan dapat mencapai objektif pementasan.

INTERPRETASI REKAAN DAN BINAAN SET DALAM PRODUKSI TEATER

Sebagai seorang pereka set sudah pasti perlu memahami dan jelas dengan sesuatu skrip yang akan dipersembahkan. Pereka set harus jelas dengan komunikasi dengan pasukan serta mendapat maklumat yang tepat dalam sesuatu perhubungan komunikasi dengan pasukannya (Cragan & Shreid 1998). Ini supaya perancangan dan perlaksanaan dapat berjalan dengan lancar dan ianya akan membantu pasukan lain dalam produksi menghasilkan sesuatu tugasan ke arah satu matlamat dalam persembahan.

Terdapat beberapa aspek penting yang harus menjadi perhatian pereka set agar segala yang direka dan bina akan memberi kesan yang baik dalam sesuatu persembahan. Aspek yang perlu dipertimbangkan oleh seseorang pereka antaranya bilangan babak, tempat kejadian, latar masa, latar waktu, latar sejarah, ringkasan peristiwa, latar set dan prop yang terlibat, bahan yang digunakan dalam rekaan dan binaan set, saiz dan kuantiti dalam rekaan dan binaan set, kesan persekitaran pentasi, Kesan antara set dan prop di pentas, keunikan yang wujud atau unsur kekaguman, aspek ruang / plan lantai, set dan prop kesan pada muzik atau bunyi dalam persembahan. Semua elemen ini sangat penting bagi seseorang pereka untuk diberi perhatian agar segala idea, rekaan dan binaan set yang dihasilkan nanti mesti berarah ke matlamat pengaruh dalam sesuatu produksi (Kenton & Warren 1978).

ASPEK VISUAL MENERUSI SET PRODUKTI TEATER

Sepanjang sejarah wujudnya manusia, penglihatan telah memainkan peranan penting kepada pemikiran. Bermula dengan manusia zaman purba, melukis telah menjadi satu cara untuk memaparkan idea dan kejadian disekelilingnya dan merakamkan satu sejarah. Melalui bayangan, dunia kerohanian, kesempurnaan dongenan menjadi semakin dekat dan nyata. Kesempurnaan keseluruhan ini suatu budaya dapat merangkumi dalam gambaran, perasaan yang tidak dapat

diluahkan dengan kata dapat dirasai bersama. Dari awal zaman lagi, penungkapan visual dari bentuk pemikiran ini sudahpun membentuk kemasyarakatan. Apa saja konsep yang digambarkan dahulu tapi kini telah menjadi kenyataan (Roskill,& Mark 1989).

Manusia telahpun menggunakan tanda dan simbol sebelum bahasa bertulis digunakan. Dari sudut rekaan, manusia telah mula menimbulkan unsur kontras dalam menyampaikan tanda dan simbol iaitu teori semiotik (Anwar 2007), sebagai mewakili diri mereka (Ruskin & John 1971). Bahasa bertulis dahulu misalnya hieroglif Mesir iaitu satu set simbol yang amat khusus yang bersumberkan gambar. Kemajuan geometri yang menggabungkan matematik dengan gambar rajah telah memungkinkan manusia untuk memikirkan tentang struktur atau hakikat lain yang abstrak. Ini membawa kepada pembinaan objek atau bangunan yang hebat dan besar dalam rekaan. Di samping itu, untuk mencuba menjadikan keadaan sekitarnya lebih munasabah, manusia menggunakan lukisan untuk mencapai sesuatu yang belum diketahui. Peta yang disusun semula daripada *note* dan lakaran oleh pengembara menyalakan daya khayalan dan mendorong penemuan baru tentang dunia kita dan alam segajah (Mc Kim 1972). Meskipun bertambahnya penguasaan bahasa bertulis, komunikasi visual terus menjadi sebahagian yang terpenting dalam cara kita berfikir. Penglihatan ternyata merupakan deria yang paling cepat dan lengkap untuk menerima pengetahuan. Setelah berbab-abab dipupuk, kita bergantung pada penglihatan untuk memberi amaran awal kepada keadaan berbahaya. Kita bukan sahaja bergantung pada penglihatan sebagai alat pertama untuk memahami dunia, tetapi kita telah belajar untuk menterjemah maklumat yang diterima oleh deria lain kepada isyarat visual supaya dalam berbagai-bagai cara, Penglihatan sebenarnya digunakan sebagai penganti untuk deria lain (Ruskin & John 1971).

Terdapat banyak bukti yang menunjukkan komunikasi secara visual telah menjadi lebih berkesan dan lebih menarik dalam sesebuah pementasan. Kita juga banyak bergantung pada penerangan dan pengaruh visual dalam persembahan (Block et.al. 1987). Namun revolusi yang paling penting ialah peralihan komunikasi visual ini daripada penguasaan pakar kepada kefahaman orang ramai.

a) **Pemikiran Visual Dalam Rekaan dan Binaan Set Produksi.**

Kajian pemikiran visual telah berkembang sebahagian besarnya daripada kajian kreativiti dalam bidang psikologi. Dengan penyedaran, semua operasi akal yang berperanan dalam menerima, menyimpan dan memproses maklumat. Ini merupakan satu cara untuk memahami tangapan dan juga penumpuan kajian peralihan daya cipta daripada akal atau deria kepada saling bertindak antara keduannya (Enstice & Peters 1996). Pemikiran visual ialah satu bentuk pemikiran yang menggunakan hasil pandangan-melihat, membayang dan melukis. Dalam konteks rekabentuk ianya memberikan tumpuan kepada hasil ketiga daripada gambaran, lukisan atau lakaran. Pemikiran apabila dapat dikeluarkan ke dalam bentuk terlakar barulah boleh dikatakan telah menjadi grafik dan seterusnya terciptalah rekaan yang hendak digambarkan dalam sesuatu visual pemikiran (Bay 1974).

b) Pendekatan 20 Sub-Sistem Dalam Penghasilan Rekaan dan Binaan Set Produksi Teater.

Pembahagian dua puluh sub-sistem oleh penyelidik dalam kajian ini merupakan satu pecahan yang bersistematik dalam menghasilkan sesuatu rekaan dan binaan set teater. Tumpuan sub-sistem ini kepada pereka set dan pasukanya bagi menjayakan sesuatu rekaan dan binaan set yang baik dan berkesan dalam sesebuah produksi. Satu kaedah yang digunakan dalam menghasilkan sesebuah rekaan dan binaan set yang baik dengan berpandukan carta morfologi. Kaedah ini memberi memberi prosedur yang lebih nyata dan terancang rapi, serta amat berstruktur. Oleh itu, dua puluh sub-sistem ini mempunyai kaitan langsung dengan kaedah morfologi terutama perkara yang melibatkan hubungan kerja antara pereka set dengan pasukan dalam sesebuah peroduksi.

Komunikasi dalam pasukan merupakan aspek penting dalam membuat perancangan dan perlaksanaan untuk sesebuah rekaan set. Seorang pereka set mestilah berkomunikasi dengan pengarah dan penulis skrip serta ahli-ahli dalam pasukan kreatif yang lain terlebih dahulu tentang apakah yang diperlukan dalam pementasan tersebut supaya tidak berlaku perkara-perkara percanggahan pendapat atau kesilapan yang akan mempengaruhi perlaksanaan set serta membawa kesan yang buruk seperti membazirkan masa dan wang.

Kaedah berbincangan boleh dilakukan dengan menjalankan mesyuarat yang bersistematik dan teratur. Selain itu, disiplin semasa menjalankan berbincangan juga merupakan salah satu perkara yang amat penting. Hal ini adalah untuk mengelakkan percanggahan pendapat malah berlakunya perselisihan pendapat yang akan memburukkan situasi berbincangan. Satu organisasi perlulah dibentuk sebelum memulakan mesyuarat tersebut. Pasukan kreatif yang berlainan tugas haruslah dibentuk berdasarkan kemahiran setiap ahli pasukan kreatif masing-masing. Hal ini adalah untuk menjamin setiap ahli dapat mengembangkan tenaga agar dapat menghasilkan sesuatu hasil seni persembahan yang dapat mencapai matlamatnya.

Selanjutnya, pemahaman maklumat dalam komunikasi juga dapat membantu pereka set membuat perancangan dan perlaksanaan sesuatu rekaan dan binaan set untuk sesebuah pementasan. Dengan itu, pereka set perlu memahami serta mengumpul segala maklumat yang berkaitan dengan pementasan tersebut. Maklumat dalam komunikasi yang diperlukan seperti tajuk, latar masa dan tempat, latar masyarakat, kebudayaan, dan sebagainya. Pereka set juga harus mengenal pasti apakah rekaan visual serta aspek yang berkaitan dengannya yang ada dalam sesuatu maklumat komunikasi agar segala yang hendak dihasilkan bersesuaian dengan produksi.

Pereka set juga perlu membuat perancangan dengan mendapatkan kajian tentang visual terhadap set melalui rujukan. Buku-buku yang berkaitan dengan pementasan bolehlah dijadikan sebagai rujukan. Buku-buku rujukan ini haruslah dipilih agar bersesuaian dengan produksi. Kajian juga boleh dilakukan melalui internet, majalah, tayangan tv, membuat temuduga dan sebagainya. Contohnya, pereka set boleh bertemu bual dengan mereka yang terlibat dalam pementasan dan yang berpengalaman dalam bidang yang berkaitan. Kaedah kajian yang tersebut perlulah bersesuaian dengan rekaan pementasan agar dapat menghasilkan kajian yang benar-benar berkualiti dan berkesan dalam pementasan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan

sistem teori yang merupakan salah satu teori utama dalam pengajian sosiologi. Menurut Vello Hubel dan Diedra B. Lussow dalam buku mereka yang bertajuk Fokus Reka Bentuk, mereka mengaitkan sistem teori dalam aktiviti-aktiviti teater dan seni rekabentuk (Hubel & Diedra Lussow 1995).

c) Kepentingan Sub-Sistem Dalam Rekaan dan Binaan Set Produksi Teater

Perancangan dan perlaksanaan amat penting bagi seseorang pereka set untuk menghasilkan sesebuah rekaan dan binaan set sesebuah pementasan. Membuat kajian tentang rujukan dan menggunakan kaedah-kaedah seperti pemahaman maklumat serta berbincang atau berkomunikasi dengan dramatis dan ahli-ahli dalam pasukan kreatif yang lain dapat membantu pereka set membuat perancangan dan perlaksanaan sesuatu rekaan dan binaan set untuk sesebuah pementasan.

Selain itu, pereka set juga perlu mengkaji atau menimbang dengan jangkaan masa dan kewangan yang akan digunakan untuk melaksanakan rekaan set pementasan tersebut. Hal ini amat penting kerana jika sesuatu tugas tidak dapat disiapkan dalam jangkaan masa tertentu sememangnya ini akan meninggalkan kesan yang amat buruk dalam pelbagai aspek. Kegagalan seorang pereka set menguasai perkara yang disebutkan di atas boleh menyebabkan dia gagal menghasilkan sesuatu rekaan dan binaan set sesebuah produksi. Jadi, seorang pereka set perlulah merancang, (Simmons Seymour-and Winer Marc, 1977: 141), melaksana dan menilai sesebuah rekaan set dengan teliti supaya persembahan teater lebih mantap dan berkesan. Pereka set juga perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kepelbagaiannya kemahiran teknik dengan lebih sistematik dalam penghasilan sesebuah rekaan set bermula dari penilaian skrip sehingga akhir sesebuah persembahan. Selain daripada mendapat idea yang terbaik, aspek analisis fungsi juga penting dalam sesuatu rekaan dan binaan set. Analisis fungsi bertujuan mengenal pasti fungsi utama yang perlu dilakukan oleh seseorang pereka. Takrif fungsi di sini merupakan ciri-ciri utama yang perlu ada pada sesuatu rekaan untuk memenuhi keperluan atau tujuan rekabentuk.

“ Sketches and renderings are not the design, but a means to represent the design idea; technical drawings are not the scenery and costumes, but instructions on how to create the scenery and costumes. Designers know how to design, artisans know how to build, and both must understand how to draw and read the graphics that guide the work” (Harvey Sweet 1995: 33)

Selain itu, analisis fungsi dengan menggunakan pendekatan sistem adalah saling berhubungan di antara sesuatu bidang rekabentuk dengan beberapa bidang yang luar kaitan secara langsung dengan rekaan set. Ia adalah prosedur penggabungan teknik yang berasingan dan isi pengetahuan bersama untuk mencapai matlamat dan kepakaran dengan cara yang paling berkesan untuk menghasilkan sesuatu rekaan dan binaan set teater yang lebih mantap (Francis D.K. Ching, Steven P. Juroszek, 1998) elakkan masuk mkasurat pada teks, hanya pada quotation saja ok.

Melalui analisis fungsi sistem juga masalah dapat dibahagikan dengan lebih sistematik dan ini akan membantu dalam menghasilkan konsep rekabentuk pada peringkat penghasilan konsep hingga penyelesaian dan pembinaan rekaan set tersebut di pentas. Dalam analisis fungsi sistem, aspek utama bagi menentukan faktor analisis ialah penentuan saiz, kos, bahan dan sebagainya.

Pada peringkat ini rekabentuk akan dibaiki dan dilihat secara terperinci sebelum melalui proses seterusnya iaitu penghasilan model set dan pembuatan. Model set yang dihasilkan merupakan produk yang sama atau hampir menyerupai rekaan sebenar set teater semasa di pentas persembahan. Peranan model “*box theater*” ini adalah untuk menguji dan menilai keberkesanannya dan kelemahan sesebuah rekaan set sebelum pembinaan sebenar dijalankan. Ia juga dapat membantu dari segi kegunaan dan pembahagian ruang pentas dan juga pergerakan pelakon semasa persembahan. Sekiranya semua berjalan lancar dan penyesuaian telah dilakukan, maka rekaan set ini akan melalui proses seterusnya iaitu pembinaan dilakukan seterusnya dipasang atau dibawa ke pentas di mana persembahan akan diadakan.

d) Analisis rekaan dan binaan set pementasan produksi teater

Kajian terhadap rekaan sesuatu persembahan yang sedia ada amat berguna untuk melihat dengan lebih dekat mengenai *trend* dan bentuk fizikal serta ciri-ciri sesuatu rekaan dan binaan set pada sesebuah persembahan yang telah dipentaskan. Maklumat amat perlu di peringkat penghasilan idea atau konsep untuk menolong pereka bentuk menghasilkan idea-idea yang lebih baik. Melalui cara ini kefahaman tentang fungsi dan ciri-ciri sesebuah rekaan pementasan yang telah ada dapat dilihat dengan jelas berbanding dengan maklumat gambaran yang hanya berupa imej statik sahaja. Sebagai contoh, persembahan Tun Perak yang dipentaskan di Istana Budaya amat berbeza jika kita lihat melalui gambar yang terdapat di akhbar. Jika kita menonton kita dapat menghayati dengan lebih mendalam lagi sesuatu persembahan (rekaan). Dalam hal ini, kita perlu melihat perubahan *trend* sejak beberapa tahun kebelakangan serta aliran dan bentuk seni persembahan yang berkaitan.

e) Spesifikasi rekabentuk set dalam produksi teater

Melalui kajian maklumat yang lengkap dan menyeluruh, masalah dan skop rekaan secara menyeluruh dapat dilihat. Sebagai rumusan kajian maklumat, ciri-ciri yang perlu ada pada rekabentuk perlu disenaraikan. Senarai ini dinamakan spesifikasi reka bentuk. Spesifikasi rekabentuk merupakan garis panduan umum semasa proses rekabentuk sedang berjalan untuk memastikan objektif sebenar sesebuah projek dapat dicapai. Perlu diingatkan bahawa spesifikasi rekabentuk bukanlah spesifikasi akhir untuk sesebuah rekaan yang menyatakan secara terperinci ciri-ciri akhir sesuatu rekaan. Sebaliknya, ia merupakan senarai matlamat yang perlu dicapai dalam sesuatu rekabentuk. Spesifikasi ini boleh diubah sepanjang proses mereka bentuk sekiranya ia perlu perubahan. Menurut Siti Zainon Ismail (1986),

“Hasil penciptaan karya tidak saja melibatkan nilai praktis tetapi juga dilengkapi dengan hiasan yang terjadi serentak dengan proses penciptaan. Bermula dari menajamkan alat-alat perkakasan hingga kepada pemasangan komputer yang dibantu oleh kecekapan tangan dan fikiran. Tukang-tukang yang berkebolehan adalah belajar dari pengalaman dan latihan. Tukang juga dapat digelar sebagai pereka bentuk kreatif sekiranya dia mampu mencipta bentuk baru atau berbeza dari kerja-kerja biasa. Walau bagaimanapun kerana setiap kerja terikat dengan bahan, teknik dan proses, idea kreatif terpaksa dikawal untuk mengelak bentuk gunaan. Sebaliknya ia harus selaras dengan nilai peranan bentuk itu sendiri” (Siti Zainon Ismail, 1986: 16).

Kajian ini juga akan dapat membantu maklumat bertulis tentang rekaan set teater khususnya penglibatan dalam bidang ini adalah kurang di Malaysia. Kajian ini juga akan menjadi penyumbang ke arah penambahan sumber penyelidikan dalam bidang seni persembahan teater di Malaysia. Menurut Hasni Hashim (2000),

“Tanpa menyisihkan aspek lakonan sebagai perkara pokok, latar pentas dan set juga adalah satu bentuk seni yang perlu dipandang serius. Teater adalah seni yang tinggi darjat nilainya kerana di pentas teater menghimpunkan pelbagai hala genre seni dari sastera, seni lakon, muzik dan juga seni tampak-membentuk drama pentas. Sekiranya ada yang tempang, maka cedera jugalah sesuatu pementasan teater itu “

Maklumat praktis kajian ini penting dalam mendokumentasikan bahan daripada sumber sesuatu seni persembahan yang diadakan. Kepentingan praktis seperti melahirkan satu sistem yang lengkap untuk mereka yang terlibat dalam bidang ini membuat panduan dan rujukan bagi menghasilkan sesbuah rekaan set yang baik. Dengan ada sistem rekaan, setiap pereka akan menyedari bahawa mereka bentuk, perancangan, prose, sistem adalah saling terjalin antara satu sama lain. Oleh itu, mana-mana sistem ialah sub-sistem adalah supra sistem. Dengan adanya sistem pengurusan rekaan set teater, ia mewujudkan satu koleksi bahagian yang saling berkaitan dengan susunan yang mantap yang direka bentuk untuk melaksanakan tugas menghasilkan rekaan set yang bermula dari visual hingga realiti dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Asas bagi pendekatan sistem adalah suatu titik pandangan dan ia tidak dapat dikenal pasti dengan subjek yang khusus. Jadi pendekatan sistem adalah saling berhubungan di antara sesuatu bidang rekabentuk dengan beberapa bidang yang luar kaitan secara langsung dengan rekaan set. Ia adalah prosedur penggabungan teknik yang berasingan dan isi pengetahuan bersama untuk mencapai matlamat dan kepakaran dengan cara yang paling berkesan untuk menghasil sesuatu rekaan set teater yang lebih mantap. Peranan bidang teater selain daripada menjadi media hiburan dalam seni persembahan dan mewujudkan falsafah seni budaya yang unggul, ia juga berfungsi menanam nilai-nilai murni, sikap pemikiran serta mengungkapkan wadah dan citra bangsa Malaysia yang terdiri daripada berbagai keturunan, bangsa dan agama.

Dalam konteks wawasan negara, teater adalah merupakan saluran pemikiran kreatif ke arah memantapkan keupayaan daya cipta individu di mana ianya menjadi salah satu asas penggerak pembangunan kebudayaan dan kesenian negara. Untuk mencapai hasrat ini maka masalah yang berkaitan dengan bidang ini tidak boleh dianggap ringan dan mesti ditangani bersama. Justru itu, penyelidik telah dapat mengenal pasti beberapa masalah utama yang berkaitan dengan bidang teater dan tumpuan diberikan dalam aspek rekaan dan pembinaan set teater hubungannya dengan pasukan kreatif dalam produksi.

f) Rekaan dan binaan set teater merupakan aktiviti sistematik.

Bidang rekabentuk set pementasan bukanlah satu proses atau aktiviti yang terhasil secara spontan. Sebaliknya ia adalah proses yang memerlukan masa, tenaga, kreativiti, wang, penyelidikan, disiplin dan lain-lain faktor bagi menghasilkan sesuatu rekaan dan binaan set yang diperlukan dalam sesbuah persembahan (Cheathan Rrank, Cheathan Jane Hart & Sheryl Hater 1983)

Bidang rekabentuk set seni persembahan bukan hanya memerlukan seseorang pereka itu mahir melukis dan mereka, malahan ianya juga memerlukan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran komunikasi, pengolahan maklumat dalam komunikasi, perancangan dan perlaksanaan yang rapi dan sistematik.

“Designers concepts must be communicated and sold to producers and directors. Upon approval, they are translated into actual settings and clothing by artists and technicians in the production shops. During the period between conception and realization, the designer explains the design idea to all members of the production staff. This communication is achieved with sketches, renderings, and technical drawings. Thus, these graphics the instruments by which specific, detailed information is communicated are a step in the process between conception and realization” (Harvey Sweet 1995: 54)

Tugas pereka set juga penting untuk menterjemahkan segala yang ada dalam skrip kepada bentuk realiti. Aspek seni visual persembahan di sini memberi kesan yang besar kepada sesebuah persembahan. Hubungan pereka set dengan pengarah penting untuk menentukan hala tuju, nilai visual dan estetika sesebuah persembahan teater. Pereka set harus memahami bukan hanya pada skrip malah kehendak pengarah turut diberi perhatian utama. Ini bagi menjamin segala yang rekaan yang dihasilkan dan dibina mesti menepati kehendak dan cita rasa pengarah dalam sesuatu persembahan pementasan. Apabila penyelidik dapat mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam penghasilan rekaan dan binaan set ini maka ianya nanti dapat perbaiki dengan mengadakan satu kaedah yang lebih sistematik dan berkesan bagi menghasilkan set yang baik untuk sesebuah persembahan (Bellman & Willard 1977).

Selain dari hubungan pereka set dengan pengarah dalam sesebuah persembahan, meneliti proses perancangan dan perlaksanaan rekaan dan binaan set persembahan teater juga memainkan peranan penting. Kedua-dua aspek ini juga menyumbangkan dapatan kepada objektif dalam kajian yang penyelidik jalankan. Penyelidik akan cuba memahami proses-proses yang dijalankan oleh pereka terutama dalam meneliti perancangan dan perlaksanaan rekaan dan binaan set untuk sesuatu persembahan. Perancangan dan perlaksanaan juga memerlukan satu pengurusan yang sistematik agar rekaan dan binaan set yang dihasilkan oleh pereka dapat memberi hasil yang memuaskan kepada pengarah, pelakon dan juga penonton. Untuk mencapai sesuatu rekaan dan binaan set dengan lebih sistematik maka aktiviti serta proses rekabentuk mesti bermula dengan kesedaran tentang sesuatu masalah (skrip yang akan diterjemahkan kepada bentuk visual) yang dihadapi dan menuju ke arah penyelesaian rekaan dan seterusnya kepada binaan rekaan tersebut di pentas persembahan.

Proses ini dikenali sebagai proses mengenali keperluan. Sebagai contoh, kita menghadapi masalah untuk menghasilkan sesuatu rekaan dan binaan set persembahan seperti pintu masuk set sebuah rumah yang dibuat pada ruang pentas yang kecil. Situasi ini mendorong kepada penghasilan satu keperluan untuk mengatasi masalah ini . Proses kedua, merupakan proses penyelidikan atau kajian untuk memahami dengan lebih terperinci tentang masalah yang dihadapi. Proses ini dikenali pentakrifan masalah. Di sini, pereka tidak perlu terburu-buru untuk

membuat kesimpulan dengan terus menghasilkan rekaan. Jika tidak, pereka ini akan menghasilkan sesuatu set yang gagal memenuhi aspek-aspek yang bersesuaian dengan rekaan dalam sesebuah persembahan. Antara kaedah yang boleh digunakan ialah membuat carta morfologi, di mana ianya dapat memberi jaringan serta struktur dalam mengenalpasti sesuatu keperluan.

Dalam bidang rekabentuk seni persembahan teater, pereka patut berhati-hati bagi mengelakkan dari melakukan kesilapan. Tidak ada istilah andaian atau anggapan dalam menghasilkan sesuatu rekaan set teater. Kerana, jika tersilap risikonya ialah kegagalan yang boleh menjelaskan keseluruhan persembahan. Langkah terbaik seseorang pereka perlu membuat penyelidikan terhadap sesuatu rekaan yang hendak dihasilkan yang bersesuaian dengan skrip dan mengikut kehendakan dan citarasa pengarah untuk sesebuah persembahan teater,

“Selepas diberikan sesuatu tugas, sangat penting untuk seseorang pereka tata cahaya menghasilkan konsep rekaan. Apakah tempat dan lokasi perlu dipancarkan. Penggunaan ruang dengan sebaik-baiknya. Adakah ia teater, ruang terbuka dan sebagainya,” (Suzan Ahmad 2003: 32).

Dengan adanya kajian seperti ini pereka set dapat menentukan skop masalah yang dihadapi dalam sesuatu rekaan yang berkait rapat dengan sesuatu persembahan (Zairul Anuar 2000). Proses seterusnya merupakan proses penghasilan konsep serta idea untuk menyelesaikan rekaan yang diperlukan dalam skrip. Pada peringkat ini daya pemikiran kreatif serta inovatif diperlukan untuk menghasilkan konsep yang baik dan bersesuaian dengan skrip persembahan dan kehendak pengarah. Penilaian perlu dilakukan untuk menentukan konsep yang memenuhi kriteria rekabentuk. Proses berikutnya merupakan pembangunan konsep yang telah dipilih daripada proses sebelum ini.

KOMUNIKASI DAN HUBUNGANNYA DENGAN REKAAN DAN BINAAN SET

Manusia berkomunikasi untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman. Manusia berkomunikasi melalui beberapa cara seperti percakapan, bahasa isyarat, penulisan, dan sikap. Komunikasi boleh berbentuk interaktif, transaktif, disengaja atau tidak disengajakan. Ia juga boleh jadi lisan atau tanpa lisan. Dalam kajian ini, komunikasi diistilahkan sebagai satu bentuk hubungan yang mesti aktif dalam diri seorang pereka set. Seorang pereka set yang berjaya selalunya memiliki daya berkomunikasi dalam pelbagai gaya sama ada yang bersifat formal atau tidak. Hubungan komunikasi ini sangat penting terutama dengan ahli dalam pasukan produksi bagi menghasilkan sesuatu rekaan dan binaan yang berkesan. Namun begitu dalam menjayakan sesebuah produksi masih lagi terdapat beberapa halangan tertentu yang harus atasi oleh setiap ahli dalam produksi. Penyelidik meninjau secara umum tentang masalah, kelemahan dan halangan peribadi yang terdapat pada seseorang pereka set dan pasukannya bagi menjayakan sesuatu produksi.

Komunikasi juga dilakukan sebagai tatacara pemikiran yang boleh melibatkan orang lain. Ia juga berfungsi sebagai pertukaran idea, pendapat, maklumat, hubungan dan sebagainya yang mempunyai tujuan dan dipersembahkan secara personal atau sebaliknya melalui simbol bertujuan untuk mencapai matlamat produksi dalam sesebuah persembahan. Kegagalan set tidak

mencapai matlamat dalam produksi mungkin berpunca daripada beberapa perkara yang melibatkan komunikasi antaranya seorang pereka set tidak berkomunikasi dengan jelas bersama pasukannya. Komunikasi yang tidak tepat juga boleh menyebabkan seorang pereka set gagal mencapai matlamatnya. Tanggapan yang berbeza dengan ahli lain dalam pasukan juga boleh menyebabkan sesuatu rekaan itu gagal. Ini kerana apa yang disampaikan oleh seorang pereka set kepada pasukannya mungkin disalahertikan dan tidak mencapai objektif seperti dikehendaki pengarah. Perbezaan penistilahan boleh menyebabkan salah satu masalah kegagalan dalam memberi sesuatu maksud menyebabkan apa yang hendak disampaikan tidak begitu jelas pada ahli dalam produksi. Malah terdapat beberapa hasil penyelidikan yang dibuat tentang nilai komunikasi dalam organisasi menunjukkan adanya perkaitan antara sistem komunikasi yang berkesan dengan prestasi organisasi yang tinggi.

MAKLUMAT DALAM REKAAN DAN BINAAN SET PRODUKTI TEATER

Maklumat penting bagi seorang pereka set untuk menghasilkan sesuatu rekaan dan binaan set. Dengan maklumat yang jelas dan tepat, ianya boleh memberi panduan kepada pereka set dalam menghasilkan rekaannya. Jika maklumat yang diterima tidak jelas maka sebuah rekaan dan binaan set untuk produksi itu mungkin tidak mencapai sasaran (Bevlin Marjorie 1980). Dalam komunikasi, pemahaman terhadap maklumat yang ingin disampaikan juga penting kerana jika komunikasi dilakukan tapi pemahaman maklumat yang kurang jelas maka komunikasi tadi menjadi tidak berkesan. Ianya boleh membawa kepada perancangan dan perlaksanaan yang kurang berkesan dalam sesebuah rekaan dan binaan set untuk produksi. Selain itu, yang memungkinkan seseorang pereka tidak mencapai sasaran dalam rekaan dan binaan set ialah pereka sendiri tidak mencari maklumat kajian sebelum memulakan rekaannya. Akibatnya, menyebabkan rekaan dan binaan set tidak mencapai sasaran pengarah dalam sesebuah produksi.

Maklumat yang diterima tidak tepat juga menjadi punca kegagalan dalam menghasilkan sesuatu rekaan. Contohnya, jika maklumat yang disampaikan kepada seorang pereka tidak jelas, ia akan melibatkan pekerja tidak dapat merealisasikan sesebuah produksi dengan tepat dan berkesan. Menggunakan orang tengah untuk memberi maklumat juga merupakan salah satu punca kegagalan kerana maklumat yang diberi dan disampaikan secara tidak tepat kepada penerimanya. Ini menyebabkan maklumat yang difahami berbeza-beza (Anuar Nor Rai 2006). Sebagai contoh, idea dari seorang pengarah disampaikan melalui seorang timbalan pengarah kemudian kepada seorang pereka set. Jika ianya tidak dipantau serta selia dengan baik, sudah pasti visual rekaan yang dihasilkan akan berbeza dan kurang menepati kehendak seseorang pengarah (Aminah Raphor 2006)

Dari segi rekaan, seorang pereka set perlu menyelidik tentang rekaannya dan binaan set. Ia penting untuk membantu binaannya lebih sempurna dan jika maklumat yang diketahui adalah tidak betul maka binaan set dan rekaannya akan gagal menjadi sebuah set yang baik. Contohnya, seorang pereka set mahukan binaan setnya menjadi suasana senja maka ia perlu mempunyai pengetahuan tentang teknik pencahayaan sesuai iaitu menjadikan suasana suram. Jika seorang pereka set tidak mempunyai maklumat tentang apa yang hendak dibuat dan mengikut gerak hati maka binaan set yang dihasilkan tidak tepat dan menyebabkan gagal.

Seorang pereka set juga boleh menghadapi kegagalan sekiranya maklumat yang diterima tidak secara terperinci dalam sesuatu produksi. Pereka tidak boleh menghasilkan kajian dan idea rekaan dan binaan set dengan jelas. Ini kerana, maklumat yang diterima hanya sedikit dan ia tidak boleh memberikan tumpuan agar rekaan yang akan dihasilkan itu bersesuai dengan persembahan. Jika sebuah produksi itu mahukan sebuah set rumah Kedah, dan berukir awan larat tetapi maklumat yang diberikan hanya rumah Kedah sahaja maka apabila sudah menghasilkan rekaan itu dan tidak mempunyai ukiran dan menyebabkan rumah Kedah itu nampak tidak sempurna dengan beberapa elemen ukiran tidak hasilkan mengikut apa yang sepatutnya ada pada sesebuah rumah Kedah.

PERANCANGAN DALAM REKAAN DAN BINAAN PRODUKTI TEATER

Perancangan ialah fungsi yang melibatkan organisasi dalam pasukan produksi, kepimpinan dalam pasukan produksi dan kawalan dari segi kajian, idea rekaan seterusnya kepada set selepas persembahan. Ini bermakna tanpa sesuatu perancangan yang rapi mungkin pereka atau pasukan telah merancang sesuatu kegagalan tanpa disedari. Perancangan juga dilihat sebagai satu proses penetapan sasaran dan membentuk langkah yang harus dilakukan untuk mencapai objektif (Jaafar Muhamad 2000). Perancangan, jika dilihat dengan lebih menyeluruh ianya suatu proses yang melibatkan pentakrifan objektif dan matlamat organisasi dalam sesebuah produksi, mewujudkan strategi keseluruhan untuk mencapai dan membentuk semua aktiviti ke arah matlamat organisasi produksi serta juga menilai tahap pencapaiannya. Oleh itu, perancangan boleh menjadi suatu proses yang formal atau sebaliknya.

Dalam sesuatu perancangan, ianya mempunyai beberapa rancangan. Rancangan adalah satu pernyataan mengenai apakah yang patut dilakukan untuk mencapai suatu tertentu. Rancangan akan mengenal pasti apakah sumber yang diperlukan yang meliputi manusia, modal, bahan, kelengkapan, apakah tindakan yang mesti dilakukan dan jadual yang mesti diikuti agar objektif berjaya dicapai (John Malam 2000)

Dalam dunia seni persembahan dan tumpuan pada pereka set, maka perancangan merupakan satu strategi sebelum melaksanakan sesebuah kerja pementasan. Perancangan yang berkesan selalunya menghasilkan mutu kerja yang baik dan dapat mencapai matlamat dalam sesebuah produksi. Perancangan yang berkesan daripada seorang pereka set pastinya dapat menghasilkan rekaan dan binaan set yang menjurus kepada sesuatu seni pementasan yang cemerlang dalam persembahannya. Pereka set harus bijak dalam merancang sesuatu khususnya yang membabitkan rekaan dan binaan sebuah set kerana rekaan dan binaan set memerlukan suatu kepakaran yang tinggi daripada segi kefahaman komunikasi serta pemahaman maklumat dalam komunikasi yang dipersetujui bersama dalam pasukannya (Cheathan Rrank, Cheathan Jane Har & Owens, Sheryl Hater 1983). Perancangan penting bagi menghasilkan sesuatu rekaan dan binaan set. Melalui perancangan yang dilakukan pereka set dapat mengetahui kelemahan yang terdapat dalam sesuatu rekaan dan binaannya (Yew Kam Keong 2002). Perancangan perlu dilakukan terdahulu sebelum memulakan sesuatu rekaan. Perancangan boleh dibuat melalui beberapa kaedah bagi memudahkan proses perlaksanaan rekaan itu. Seorang pereka set boleh merancang melalui pelan lantai tapak (*floor plan*) persembahan supaya rancangan rekaan dan binaan set akan lebih sempurna malahan merancang melalui “*story board* ” juga dapat menghasilkan rekaannya yang baik dalam sesebuah produksi (Lauer David 1989). Pentingnya

sesuatu perancangan dalam sesebuah produksi terutama yang berkaitan dengan aspek rekaan dan binaan set kerana ianya dapat menambahkan kecekapan para pereka dan pasukannya. Ia juga melakukan sesuatu tugas dengan lebih jaya terutama bila melibatkan kepelbagaiannya pasukan dalam sesuatu produksi. Perancangan menjadi semakin penting dan dapat memberi kebaikan dari segi tumpuan, penyelarasian, masa, operasi dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan aspek produksi.

PELAKSANAAN REKAAN DAN BINAAN SET PRODUKSI TEATER

Langkah terakhir dalam setiap apa yang dirancang adalah pelaksanaan. Pelaksanaan merupakan aspek yang sangat penting kerana ia bakal menggambarkan hasil yang diperolehi. Pelaksanaan yang mengikut standard sudah tentu menghasilkan sesebuah produksi yang berkesan. Seorang pereka set seringkali berhati-hati dalam langkah terakhir iaitu pelaksanaan. Disinilah cabaran yang sebenar akan bermula. Aspek pelaksanaan perlu dititikberatkan kerana ianya akan memperlihatkan bagaimana usaha yang bermula daripada peringkat awal dalam komunikasi, pemahaman maklumat dalam komunikasi sehingga kepada perancangan yang dibuat dan seterusnya akhir tindakan kepada perlaksanaan sesuatu binaan set persembahan bagi mencapai matlamatnya dalam sesebuah produksi.

Perlaksanaan juga penting untuk menghasilkan sesuatu rekaan dan binaan set. Perlaksanaan yang tidak mengikut perancangan yang dirancang boleh mengagalkan sesuatu rekaan dan binaan set. Perlaksanaan ialah proses membuat kerja dan jika pereka set tidak membuat perlaksanaan yang betul, maka rekaannya tidak menghasilkan sesuatu yang baik dan berkesan dalam sesebuah persesembahan. Seorang pereka set perlu tahu bagaimana perlaksanaan hendak dilakukan seperti dalam pengurusan masa. Jika masa yang diberikan hanya tiga hari maka perlaksanaan yang akan dibuat mestilah mencapai kurang daripada masa yang diberikan kerana jika tidak dapat dibuat maka binaan itu tidak dapat digunakan dengan sebaiknya. Jika dilihat dari aspek ruang pula, seorang pereka set perlu membuat perlaksanaan yang betul kerana sebelum perlaksanaan dilakukan seorang pereka set perlu tahu aspek teknikal seperti keluasan pentas serta tempat mana yang sesuai untuk membuat binaan set tersebut. Ini kerana jika tidak bertepatan dengan rekaannya maka kita dapat lihat kegagalan dalam melaksanakan sesuatu rekaan itu. Seorang pereka set juga perlu jelas berapa banyak kuantiti serta bahan yang diperlukan sebelum melaksanakan sesuatu set. Ini kerana jika seorang pereka set tidak merancang dan bahan yang hendak digunakan tidak mencukupi dan hanya mengetahui apabila rekaan itu telah dilakukan maka pereka itu gagal juga melaksanakan rekaannya (Aminah Raphor, 2006). Oleh itu, perlaksanaan dalam sesebuah rekaan dan binaan set merupakan perkara terakhir untuk menjayakan sesuatu rekaan dan binaan set. Namun begitu, dalam perlaksanaan terdapat beberapa prosedur yang harus diikuti oleh pereka kerana terdapat aspek-aspek yang mesti diberi perhatian agar perjalanan kerja dapat dilaksanakan seterusnya kepada pencapaian matlamat dalam produksi.

PSIKOLOGI PEMIKIRAN DALAM PRODUKSI

Manusia yang dicipta oleh tuhan sebagai pemimpin di muka bumi ini mempunyai berbagai keistimewaan berbanding dengan makhluk lain. Kelebihan dan keistimewaan ini kerana manusia dikurniakan akal. Akal fikiran yang membezakan secara kualitatif diantara setiap individu

dengan individu yang lain. Pada akal adalah sumber ilmu yang menghasilkan pengetahuan melalui proses pemikiran. Dalam konteks ini, psikologi pemikiran memainkan peranan sebagai saluran formal dan tidak formal yang dapat membantu ahli pasukan bertindak dengan lebih rasional dan meluahkan apa yang patut terutama yang berkaitan dengan tugas yang diberikan. Faktor kemanusiaan merupakan aspek penting dalam setiap tindakan bagi mencapai sasaran objektif. Justeru itu, isu yang melibatkan sumber manusia harus diberi perhatian yang serius dalam sesebuah produksi. Psikologi yang berkaitan dengan pemikiran dan perasaan manusia adalah unik dan jika tidak diuruskan dengan bijak, ianya boleh mendatangkan kesan yang serius dalam mencapai objektif persembahan. Dengan adanya aspek ini, ia membuka peluang kepada ahli untuk menyatakan pandangan dan meringankan beban emosi dan psikologi kesan daripada tugas yang dilakukan. Persekutaran kerja sebegini boleh mengeratkan interaksi sosial dan meningkatkan produktiviti di kalangan ahli dalam pasukan produksi.

KEPIMPINAN DAN DORONGAN KERJA

Dalam aspek dorongan kerja, peranan kepimpinan dan komunikasi yang berkesan akan meningkatkan dorongan perkerja dilapangan subordinat kerana telah dimaklumkan dengan jelas apa yang diharapkan oleh produksi, dan bagaimana untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Komunikasi juga dapat menerangkan bagaimana berkesannya mereka melakukan kerja melalui maklumbalas yang disampaikan dan bagaimana respon ahli dalam produksi berkaitan dengan pencapaian yang dihasilkan. Berkommunikasi dengan jelas apa yang diharapkan dari ahli dalam pasukan dan cara bagaimana maklumat mampu dicapai disamping imbuhan yang akan diterima dapat meningkatkan dorongan kerja pasukan dalam produksi. Hasilnya pereka dan pasukan dapat melakukan sesuatu tugas dengan berkesan bagi mencapai matlamat dalam produksi.

PENGAWALAN DAN PEMANTAUAN DALAM PRODUKSI

Pemantau merupakan satu usaha individu ke individu atau pasukan melakukan kawalan sesuatu perancangan dan perlaksanaan bagi mencapai objektif yang diharapkan dalam sesebuah organisasi produksi. Proses komunikasi yang berkesan dapat memantau perilaku ahli dalam organisasi. Pereka set perlu sedar bahawa komunikasi dalam organisasi produksi dipengaruhi sikap, gaya kerja dan prosedur. Dalam organisasi produksi terdapat berbagai peringkat. Subordinit akan membantu dan mematuhi arahan bagi membolehkan mereka mengetahui kepada siapa mereka bertanggungjawab di samping mendapatkan maklumat jelas tentang bidang tugas yang ditetapkan. Aliran komunikasi ini menyediakan saluran kepada subordinit untuk menyatakan pandangan, kritikan berkaitan dengan kerja yang dilakukan kepada pereka yang bertanggungjawab. Pengarah produksi dapat memberi bimbingan yang sesuai kepada ahli dalam pasukan supaya mereka memahami deskripsi tugas yang telah ditetapkan dan lebih bersedia untuk mematuhi polisi organisasi yang telah ditetapkan dalam sesebuah produksi.

PENGHANTARAN MAKLUMAT DALAM PRODUKSI

Penghantaran maklumat penting terutama pengaliran maklumat dari satu pihak ke satu pihak yang lain dalam pasukan produksi. Pengaliran maklumat akan membantu seseorang ahli dalam produksi membuat keputusan dan memenuhi aspek yang diperlukan oleh individu bagi menyampaikan maklumat untuk membolehkan mencari alternatif yang terbaik dicapai.

Penghantaran maklumat yang jelas akan memberi kesan langsung kepada penerimanya dalam sesebuah pasukan produksi. Penerima akan bertindak bersesuaian dengan objektif penghantaran tersebut. Dalam seni persembahan teater, penghantaran maklumat merupakan kaedah dan saluran yang penting bagi menjalankan berbagai aktiviti dalam produksi agar berlangsung seperti yang dirancang dan menjurus kepada pencapaian objektif dalam sesebuah persembahan.

KESIMPULAN

Kejayaan seorang pereka set seringkali dikaitkan dengan perancangan yang rapi dalam setiap kerja yang dihasilkan. Dalam konteks ini, seorang pereka set mestilah mempunyai sifat serta keterampilan yang menampakkan seorang yang berwawasan dan bercita-cita untuk maju kehadapan. Menjadi seorang pereka set bukanlah semudah yang difikirkan. Pereka set yang berjaya memerlukan daya pemikiran yang sentiasa kreatif dan produktif dalam setiap hasil kerjayanya. Hanya dengan gaya pemikiran sebegini memungkinkan seorang pereka set itu dapat bertahan seterusnya menempah nama dalam bidang yang diceburinya dan terus maju pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Anwar Din. 2007. Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arnheim, Rudolf,1954. Art And Visual Perception: A Psychology Of The Creative Eye.Berkeley: University Of California Press.
- Bay, Howard.1974. Stage Design. New York. Drama Book Specialists.
- Bellman, WillardF. 1977. Scenography and Stage Technology: An Introduction. New York:Harper and Row.
- Bevlin Marjorie E.1980. Design Through Discovery. New York. Holt, Rinehart & Winton.
- Block, Jonathan, et al.1987. Understanding Three Dimensions, Englewood Cliffs,NJ:Prentice-Hall.
- Burton, Judith M. 1992. Art Education and the Plight of the Culture: A Status Report." In Art Education. Volume 45, No. 4. Reston, Virginia: National Art Education Association.
- Cheathan Rrank R, Cheathan Jane Hart: and Owens, Sheryl Hater. 1983. Design Concepts and Application. Englewood Cliffs, NJ : Prentice-Hall.
- Cragan. J.F, & Shreid D.C. 1998. Understanding Communication : Balancing Creativity Constraint.(2nd ed).new York: st Martin's Press.
- Enstice, W.,and Peters M. 1996 . Drawing,. Englewood Cliffs, NJ : Prentice-Hall.

Francis D.K. Ching With Steven P.Juroszek. 1998.Design Drawing. Published By John Wiley & Son,Inc.

George Santayana. 1952.Reas on in Art, Volum IV of the Life of Reason. NewYork: Collier Books.

Harvey Sweet. 1995. The Complete Book Of Drawing For The Theatre. A Simon & Schuster Company Needham Heights. Massachusetts.

Hasni Hashim, Melapik Makna ke Lantai Teater 22 Ogos 2000, Berita Harian.

Jaffar Muhamad. 2000. Pengantar Pengurusan,. Kuala Lumpur. Vinlin Press Sdn.Bhd.

John Malam. 2000.Theatre From First Rehearsal To Opening Nite. Great Britain. Belitha Press Limited.

Kenton,Warren. 1978. Stage Properties and How to Make Them, New York. Drama Book Specialists.

Lansing., Kenneth M. 1996. Art, Artist and Art Education. New York: Mc.Graw-Hill Book Company.

Lauer,David. 1989. Design Basic, New York. Holt, Rinehart & Wintson.

Mc.Kim ,Robert H.1972. Experiences in Visual Thinking, Monterey. CA: Brooks-Cole.

Oren,P., Wolf, R.C.(1990). Scene Design And Stage And Stage Lighting. Florida: Harcourt Brace Jovanuvich College Publisher.

Roskill, Mark.1989. What is Art History? 2nd edition. Mass: Univ. of Mass. Press.

Ruskin, John. 1971. The Elements of Drawing, Dover Publications, Inc., New York.

Simmons Seymour, III and Winer Marc S.A.1977. Drawing: The Creative Proses Englewood Cliffts, NJ: Prentice-Hall.

Siti Zainon Ismail. 1986.Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi , Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.

The introduction/Realism, from Ellmann, Richard and Charles Feidelson, Jr, eds.1965. The Modern Tradition, Backgrounds of Modern Literature. New York: Oxford University Press.

Vello Hubel dan Diedra B. Lussow.1995. Fokus Reka Bentuk. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan, Kuala Lumpur.

Wesley G. Matthei. 2000. Mis.Managing the System. How to Chang the System. SAM Publishing Sdn Bhd.

Yew Kam Keong, 2002. Bebaskan Kreativiti Anda, Siri motivasi dan Kecemerlangan Utusan, Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd, Kuala Lumpur.

Dr. Abdul Samad Kechot & Sabzali Musa Kahn

Pusat Pengajian Bahasa Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: asksam_asksam@yahoo.my